

10 NOV 1999

MCA-Calon

MCA KEMUKAKAN BEKAS WARTAWAN SEBAGAI CALON PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Seorang bekas wartawan merupakan antara dua muka baru Wanita MCA yang dicalonkan sebagai anggota parlimen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata dua muka baru itu ialah Pengerusi Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen dan Setiausaha Penganjur Kebangsaan pergerakan itu Chew Mei Fun.

Ling yang merasmikan forum isu semasa Wanita MCA "Wanita-Pilihan Anda Bermakna" di sini malam ini hanya menamakan Chew sebagai calon BN bagi kawasan Petaling Jaya Utara tetapi tidak menamakan kawasan parlimen yang akan ditandingi Ng.

Ling yang bergegas untuk menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi BN enggan mengulas lanjut mengenai pengumumannya itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pembubaran Parlimen berkuat kuasa esok.

Ng yang ditanya mengenai pencalonannya hanya memberitahu bahawa beliau dicalonkan bagi sebuah kerusi Parlimen di Pahang.

Ketika ini terdapat tiga kawasan Parlimen yang diwakil Wanita MCA iaitu Raub (bekas Ketua Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan), Klang (Dr Tan Yee Kew) dan Padang Serai (Lim Lay Hoon).

Sementara itu Chew ketika ditemui kemudiannya berkata beliau yakin akan mengekalkan kerusi BN bagi Parlimen Petaling Jaya Utara meskipun mungkin akan menghadapi tentangan daripada parti pembangkang.

Anggota Parlimen Petaling Jaya Utara ketika ini ialah Vincent Lim Kuo Phau, juga daripada MCA.

Chew, 35, pernah bertugas sebagai wartawan di akhbar China Press pada 1981 sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Cheng Zhi, Taiwan.

Beliau kemudian berkhidmat semula dengan akhbar berkenaan sebelum menjadi guru.

Chew menyertai MCA pada 1991 dan pernah bertugas sebagai Setiausaha Sulit Teng Gaik Kwan.

Beliau kini mengendalikan perniagaan yang berkaitan perhubungan awam dan periklanan.

-- BERNAMA

RZS LAT